



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/6/2011

Mengurus permainan persepsi politik

POLITIK adalah persepsi. Ia adalah suatu 'permainan' yang bergantung kepada kebijaksanaan menangani, mengurus dan menyusun strategi untuk menang dengan menggunakan apa kaedah sekalipun.

Keyakinan dan kepercayaan dibina sama ada secara ikhlas ataupun melalui pembobohan. Manipulasi wujud dalam proses membina sokongan sehingga ada yang bertanggung wujud keadaan terdesak untuk melabel dan menamakan musuh agar dapat meraih undi.

Akhirnya 'raja' adalah pengundi yang akan memangkang mengikut rentak yang telah diatur dalam 'permainan' politik.

Maka, kesemua yang terlihat dalam dunia politik sering akan cuba sedaya upaya mempengaruhi persepsi pengundi ataupun masyarakat. Banyak kaedah digunakan untuk mempengaruhi persepsi umum. Ada yang masih menggunakan surat layang, SMS layang, media perdana dan alternatif, ceramah, cakap-cakap kedai kopi dan di mana-mana sahaja.

Sejak Mac 2008, parti-parti politik cuba mengurus persepsi umum ke atas mereka. Sememangnya manusia cukup ghairah dengan gosip dan berita sensasi terutama yang membabitkan tokoh politik dan menjadi bahan tohmahan pembesar politik lawan.

Rasuah, kronisme dan nepotisme sering menjadi agenda besar mereka yang bergelar *spinners*. Isu wanita, bersekedudukan, moral pemimpin, seks dan pengumpulan harta juga merupakan berita sensasi.

Misalnya, jika anak seorang pemimpin parti politik mencuit seorang pelajar perempuan di sekolah; dan kemudian dipindah ke sekolah lain; ia boleh mempengaruhi persepsi ke atas pemimpin tersebut melainkan golongan pengikut yang taksud dengan pemimpin itu dan mendapati nilai kekeluargaan tidak penting akan menyatakan tidak ada hubungan dengan gaya pemimpin tersebut.

Pola pengundian dalam PRU Ke-13 akan banyak bergantung kepada kemampuan parti bertanding untuk berhadapan dengan persepsi. Dalam PRU Ke-12 pada Mac 2008,



banyak faktor menyumbang kepada kekecewaan, kemarahan dan undi protes ke atas Barisan Nasional (BN).


Keangkuhan, sombong dan bongkaknya pemimpin dijadikan 'modal' oleh pembangkang untuk menafikan majoriti dua pertiga di Parlimen buat BN. Beberapa isu gagal ditangani dengan baik termasuk isu kenaikan petroleum, kepimpinan, agama, hubungan antara etnik dan kesaksamaan sehingga pembangkang keluar dengan kenyataan 'enough is enough'.

Mengurus persepsi getir dalam perjuangan politik kepartian hari ini khususnya bagi BN. Sepanjang 54 tahun memerintah dari Perikatan kepada Barisan Nasional; ada pasang-surutnya; ada zaman kegemilangan dan kemerosotannya tetapi negara terus makmur, hidup rukun dan kesejahteraan masih jauh ke hadapan berbanding dengan beberapa negara serantau.

Hari ini, kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak cuba memeriksa, melakukan penambahbaikan dan cuba memenuhi vakum peninggalan kepimpinan lepas dan sebagai seorang 'pengganti' dalam sistem yang sama, sudah pasti ia memerlukan masa.

Tetapi adakah masa bersama beliau apabila setiap hari, beliau berhadapan dengan 'permainan psikologi' lawan. Misalnya, demonstrasi Bersih pada Julai ini. Ia bertujuan mempengaruhi persepsi ke atas parti pemerintah dan seterusnya melihat satu kesinambungan susulan dari demonstrasi yang sama 4 tahun lalu.

Sama ada ia boleh memberikan kesan atau tidak bukan bergantung kepadajumlah



yang hadir berarak dalam demonstrasi itu tetapi mesej yang mahu disampaikan melalui pelbagai mekanisme kepada yang akan mengikutinya dari luar lingkaran pembabitkan secara langsung kerana yang akan hadir adalah penyokong setia parti tetapi impaknya barangkali ke atas 'pengundi atas pagar'.

Begitu juga dengan persepsi ke atas isu negara Islam parti Pas yang berubah menjadi negara berkeadilan. Ia cuba dilakukan oleh Pas adalah agar diberikan liputan menyeluruh dari media arus perdana untuk menunjukkan ia sudah berubah walaupun ramai yang melihat ia boleh memberi impak negatif ke atas persepsi ahli yang bergelut mempertahankan matlamat perjuangan parti selama ini dan ada pula melihat ia sebagai kompromi ke atas DAP.

Kelincinan menggunakan persepsi umum sebagai pendekatan memenangi simpati umum ketara apabila setiap tingkahlaku agensi dalam struktur pentadbiran negara dikaitkan dengan kerajaan. Contohnya, tindakan badan keselamatan dihubungkan dengan kepimpinan sedia ada dan cuba memburuk-burukkan tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) misalnya untuk menurangkan tendensi sokongan ke atas BN.

Persepsi bersifat sementara yang berubah-ubah mengikut rentak tari semasa. Hari ini, ia boleh membantu sesebuah parti tetapi jika diteliti oleh para strategis, berfikir sebagai lawan dalam apajua keadaan penting untuk menang peperangan politik ini. Perlu persepsi adalah maklumat.

Jika strategis parti mempunyai informasi yang secukupnya, persepsi boleh diperkuatkan dengan langkah mengurus persepsi

tersebut tanpa bersifat tergesa-gesa ataupun celupar sehingga memberi kesan bukan pada lawan tetapi parti sendiri.

Jika dilihat bagaimana Datuk Seri Anwar Ibrahim secara licik keluar dari apa sahaja persepsi yang dilontar ke atas dirinya, BN mesti menyoal mengapa tidak terfikir apakah tindakan seterusnya yang akan diambil oleh beliau.

Misalnya, dalam isu Israel dan kemudian membawa kepada penggantungan beliau, ia seolah-olah dirancang sedemikian rupa apabila beliau dan beberapa pemimpin pembangkang hadir dengan beberapa tag yang menghentam kerajaan sehingga maklumat dalam Wikileaks ke atas dirinya menjadi defensif kepada kerajaan.

Begitu juga dengan pendakwaan yang sedang beliau hadapi. Dengan secara berterusan menyalahkan sistem dan membawa kepada penangguhan ia meletakkan pihak berwajib dalam keadaan serba salah; didakwa akan dianggap seolah-olah pembangkang kehilangan kapten untuk mengemudi bersama Pas dan DAP tetapi ada yang akan simpati melihat mengapa masih meneruskan agenda untuk menyelapkan Anwar.

Jika tidak didakwa, pihak berwajib akan dilihat seolah-olah tidak berani mengambil tindakan walaupun dikatakan mempunyai bukti yang cukup untuk mendakwa beliau. BN perlu berhati-hati dalam isu ini agar ia tidak diperangkap oleh percaturan penguurusan persepsi lawan.

Kadang-kadang ada 'bola lambung' dari lawan tetapi kekurangan *spinners* membawa menyebabkan BN sering diletak dalam keadaan tertekan walaupun sebenarnya ia

mampu menanganinya dengan lebih berhemah.

Dalam konteks hari ini, mengurus persepsi dari kekuatan sendiri akan menjadi kelebihan daripada bergantung berlebihan kepada kelemahan lawan yang bijak menangkis sebarang perang psikologi dengan serta-merta.

Misalnya dalam konteks harga naik, mengurus persepsi dilakukan dalam bentuk bagaimana subsidi ditanggung oleh kerajaan tetapi sejauhmana kesemua agensi berpendirian sedemikian rupa. Itu biasiswa juga boleh mempengaruhi persepsi umum hari ini sebagaimana persepsi ke atas isu Penjana Tenaga Bebas (IPP).

Jalan keluar dari mengurus persepsi adalah mengadakan PRU ketika benar-benar berkeyakinan dan tidak salah menunggu tempoh matang sebenar kerana isu 'kestabilan' harus diberi keutamaan.

Jika rakyat berkeyakinan kepada kepimpinan dalam menangani isu ekonomi dan sosial, ia boleh dijadikan petunjuk untuk berhadapan dengan persepsi positif ke atas kepimpinan sedia ada.

Persepsi adalah permainan minda. Mereka yang gah dalam berhadapan dengan cabaran ini mampu untuk menang. Dilemanya adalah sama ada BN mempunyai motivasi, keyakinan dan keazaman untuk menang permainan ini.

Walaupun mempunyai penyerang yang handal dan popular seperti Najib, setiap pasukan bola sepak memerlukan pemain midfield yang boleh turun-naik merancang dan memastikan pasukannya sentiasa boleh membantu penyerang untuk menjaringkan gol.

Pada waktu sama, pemain pertahanan harus boleh bertahan daripada dibolosi. Adakah BN mempunyai skil setiap pemain dalam permainan politik sebagaimana yang kita lihat dalam pasukan bola sepak.

PROFESOR MADYA DR. SIVAMURUGAN PANDIAN
Pusat Pengajian Sains Masyarakat
Universiti Sains Malaysia